

**Pendekatan yang diambil oleh Unit Perkhidmatan Perumahan
bagi memastikan perkhidmatan masih berjalan**

1. Bagi Perkhidmatan Yang Tidak Memerlukan Perjumpaan Dengan Pelanggan, semua urusan seperti pertanyaan dan kuiri adalah dibuat melalui telefon dan emel.
2. Bagi perkhidmatan yang memerlukan perjumpaan dengan pelanggan seperti proses penyewaan rumah; Penyerahan kunci rumah oleh penghuni setelah rumah dikosongkan; dan pemeriksaan teknikal, pendekatan seperti berikut telah diambil;
 - i. Semua proses berkaitan dengan Penyewaan Rumah seperti penandatanganan perjanjian penyewaan; penyambungan perjanjian penyewaan diadakan secara *appointment* iaitu pada hari Isnin, Rabu dan Khamis, jam 9 pagi hingga 11 pagi.
 - ii. *Dropbox* juga telah disediakan di lobi JPA bagi tujuan penerimaan dan penyerahan dokumen-dokumen serta kunci-kunci rumah.
 - iii. Bagi kerja-kerja pemeriksaan rumah-rumah sewa kerajaan termasuk pemeriksaan syarat-syarat penyewaan dan mengosongkan, kaedah *video-call* bersama pemilik rumah dan penghuni digunakan bagi menggantikan lawatan *on-site*.
 - iv. Selain daripada penggunaan *video-call* bagi mengesahkan keadaan sebenar rumah terutama sekali bagi rumah yang dikosongkan, penghuni perlu menghadapkan gambar-gambar rumah mengikut rujukan *checklist* yang diguna pakai oleh pasukan teknikal melalui emel.
3. Pemeriksaan rumah/flat milik kerajaan siap pemberian oleh pihak JK ditangguhkan buat sementara waktu tertakluk kepada perkembangan penularan wabak dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan.
4. Bagi pegawai dan kakitangan yang diperuntukkan perumahan Kerajaan, borang tawaran akan diemel terus kepada pegawai dan kakitangan berkenaan dan mereka perlu mengembalikan borang tawaran yang sudah lengkap melalui emel. *Dropbox* juga digunakan bagi penyerahan kunci rumah kepada pegawai yang diperuntukkan secara *appointment* iaitu pada setiap hari Isnin dan Rabu sahaja dari jam 9 pagi hingga 11 pagi.
5. Pemeriksaan Perumahan Kerajaan bagi kes-kes penalti / penguatkuasaan ditangguhkan buat sementara waktu. Perhubungan melalui emel kepada penghuni dan ketua jabatan akan diteruskan. Sekiranya, pemeriksaan secara *on-site* mesti juga dilaksanakan, pemeriksaan hanya dibuat di kawasan luar rumah sahaja tanpa berinteraksi secara *face-to-face* dengan penghuni.